



# PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR

**BAHAGIAN PENGAMBILAN PELAJAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
2012**



## **AMARAN**

Pelajar yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/ manipulasi maklumat dalam borang permohonan kemasukan berkaitan dengan:

- ✚ Kewarganegaraan Malaysia, bangsa Melayu, Orang Asli,  
Bumiputera Sabah/Sarawak
- ✚ Kelayakan/keputusan peperiksaan

Akan diambil tindakan dengan:

- ✚ Menarik balik surat tawaran
- ✚ Dikenakan tindakan undang-undang.

Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian.

➤ **SEKIRANYA ANDA MELAKUKANNYA, ANDA DINASIHATKAN TIDAK HADIR MENDAFTAR.**

## **PERINGATAN PENTING**

**JIKA ANDA SEORANG PENAGIH, PENGEDAR ATAU TERLIBAT DENGAN  
KEGIATAN PENYALAHGUNAAN DADAH, ANDA TIDAK LAYAK UNTUK  
MENDAFTAR ATAU MENJADI PELAJAR UITM.**

## **NOTA PENTING**

- 1. Sekiranya kehilangan sijil SPM/SPMV anda perlu mendapatkan salinan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia manakala sijil STPM mendapatkan salinan yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.**
- 2. Sekiranya kehilangan sijil kelahiran pelajar/ibu/bapa anda perlu mendapatkan semula sijil kelahiran yang baru di Jabatan Pendaftaran Negara.**
- 3. Sekiranya kehilangan Kad Pengenalan pelajar/ibu/bapa anda perlu membuat Kad Pengenalan sementara.**
- 4. Bagi ibu/ bapa yang telah meninggal dunia, salinan sijil kelahiran ibu/ bapa tidak perlu dibawa semasa hari pendaftaran.**

**MAKLUMAT DI DALAM BUKU INI ADALAH BENAR SEHINGGA DICETAK PADA  
MEI 2012**

**DIKELUARKAN OLEH:  
BAHAGIAN PENGAMBILAN PELAJAR UiTM**



Assalamualaikum, Salam Sejahtera, dan Salam 1 Malaysia

Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan

Saudara-Saudari,



**TAHNIAH KEPADA PELAJAR BARU UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

Bagi pihak seluruh rakyat Malaysia, saya mengucapkan syabas kepada saudara-saudari atas kejayaan cemerlang di dalam peperiksaan semasa di sekolah dahulu. Berdasarkan kejayaan itu saudara-saudari kini berjaya pula dipilih untuk melanjutkan pengajian di Universiti Teknologi MARA atau UiTM, sebuah universiti yang terbesar di Malaysia.

2. Semoga kejayaan ini akan menjadikan saudara-saudari seorang yang lebih bersyukur kepada Allah SWT dan akan lebih berjaya dalam kehidupan untuk membela nasib keluarga, masyarakat dan negara. Sesungguhnya kejayaan ini akan lebih bermakna jika saudara-saudari turut sama berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin negara, dahulu dan sekarang yang telah menyediakan sistem, ruang dan peluang untuk kita semua belajar dengan kondusif yang Insya-Allah akan membawa kejayaan kita secara berterusan.

3. Sejak tertubuh pada 1956, UiTM telah memainkan peranan membela dan mengubah destinasi kaum Melayu dan Bumiputera dengan memperkasakan bidang pendidikan tinggi. UiTM adalah warisan negara yang diamanahkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk terus mengeluarkan seramai mungkin cendekiawan Melayu dan Bumiputera yang sekali gus akan mengisi bidang-bidang profesional. Tanpa UiTM, peratus dan jumlah modal insannya rata-rata akan dikuasai secara besarnya oleh rakan-rakan kita dari kaum yang lain.

4. Saudara-saudari sebenarnya berperanan besar dalam membawa transformasi kepada penambahbaikan segala sistem dalam negara ini, terutamanya di dalam bidang pendidikan tinggi. Insya-Allah dengan kejayaan dan semangat saudara-saudari untuk berjaya, hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 akan tercapai dengan cemerlang.

5. Saya doakan agar saudara-saudari dapat belajar dengan sempurna sehingga berjaya. Jangan hancurkan harapan dan amanah kerajaan, rakyat dan ibu bapa kita dengan melibatkan diri dalam perkara-perkara yang merosakkan bangsa dan negara. Ketahuilah bahawa bagi setiap pelajar yang menuntut di UiTM ini, kerajaan membelanjakan antara RM60 ribu sehingga RM300 ribu ringgit seorang dari mula masuk UiTM sehingga berjaya sebagai seorang graduan.

6. Akhir kata, sampaikan salam tahniah saya kepada ibu bapa serta guru-guru saudara-saudari kerana kejayaan ini adalah kejayaan mereka bersama. Saya berdoa agar saudara-saudari akan sentiasa sihat, dapat belajar dengan sempurna dan berjaya dengan cemerlang bersama UiTM dan sekali gus bersama merealisasikan transformasi pendidikan negara berlandaskan aspirasi 1Malaysia.

Sekian, terima kasih

Yang benar

**DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK**

Perdana Menteri Malaysia

# **Sekapur Sireh**



***Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera***

Tahniah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, saudara-saudari telah berjaya ditawarkan tempat pengajian di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Sesungguhnya saudara-saudari adalah golongan yang bertuah kerana telah berjaya terpilih daripada ribuan pemohon untuk melanjutkan pengajian di UiTM. Kehadiran saudara-saudari sebagai mahasiswa dan mahasiswi ke UiTM sangat dialu-alukan.

2. Bagi memenuhi keperluan jasmani dan rohani pelajar, UiTM menyediakan pelbagai kemudahan, aktiviti pembelajaran, kerohanian, sukan dan rekreasi. Manfaatkanlah segala kemudahan yang disediakan dengan sebaik-baiknya demi kebaikan saudara-saudari sepanjang tempoh pengajian di sini.
3. Saya juga menyeru agar saudara-saudari mensyukuri rahmat yang diberikan dengan menunjukkan iltizam yang tinggi sebagai mahasiswa dan mahasiswi UiTM. Gunakanlah peluang ini dengan sepenuhnya untuk mendapatkan ilmu pengetahuan supaya menjadi graduan yang berdaya saing, mempunyai penghayatan global serta beretika yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika profesional.
4. Akhir kata, harapan dan doa saya semoga saudara-saudari menjadi graduan yang berilmu, berketerampilan dan beramal dalam mencapai visi, misi dan objektif UiTM bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara.

**SELAMAT MAJU JAYA**

Sekian

Wassalam

**DATO' PROF. IR. DR. SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc**  
Naib Canselor

## MAKLUMAT KORPORAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

### **MOTTO**

“Usaha, Taqwa, Mulia”

### **VISI**

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

### **MISI**

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

### **FALSAFAH**

Seseorang individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan nilai-nilai murni bagi melahirkan graduan profesional yang berperanan membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan negara.

### **OBJEKTIF**

- Menyediakan peluang maksimum kepada kaum bumiputera bagi mengikuti pendidikan bertaraf profesional dalam bidang sains, industri, teknologi, perdagangan, seni dan kemasyarakatan.
- Menyediakan program pengajaran yang berkualiti dan inovatif serta memenuhi kehendak pasaran dan pelanggan di samping mendokong dasar pembangunan negara.
- Mewujudkan program pembangunan kemanusiaan sebagai alat menerapkan sistem nilai di kalangan masyarakat UiTM.
- Memastikan produk UiTM bukan sahaja dapat memenuhi pasaran guna tenaga manusia tempatan, malah juga bersedia berkhidmat di peringkat global.
- Menjadikan UiTM sebuah organisasi cemerlang yang dapat menjamin pengurusan sumber manusia, kewangan dan harta benda yang berkesan dan cekap untuk mencapai matlamat pendidikan UiTM serta memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan masyarakat

## LATARBELAKANG SEJARAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA bermula daripada tahun 1956 dengan penubuhan Dewan Latehan RIDA (Rural Industrial Development Authority), pusat kuliah yang menawarkan kursus persediaan kepada pelajar berorientasikan pendidikan Inggeris.

### **DEWAN LATEHAN RIDA (1956-1965)**

Dewan Latehan RIDA adalah inspirasi Dato' Onn Bin Ja'afar ekoran daripada lawatan ke Ceylon (Sri Lanka) pada tahun 1951. Tujuan utama lawatan itu adalah untuk mendalami program pembangunan dalam negeri. Matlamat penubuhan Dewan Latehan RIDA adalah untuk membina semula kehidupan masyarakat desa dan meningkatkan taraf ekonomi mereka. Pada tahun 1964, Dewan Latehan RIDA mengadakan majlis Konvokesyen yang pertama. Seramai 50 graduan telah menerima sijil daripada Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri pada waktu itu.

### **MAKTAB MARA (1965-1967)**

Untuk mengukuhkan keberkesanan aktiviti yang dijalankan oleh pihak berkuasa, langkah pertama yang diambil ialah menukar nama RIDA kepada MARA. Menurut Tun Abdul Razak, perubahan ini adalah untuk memberi nafas baru dan harapan kepada RIDA. Ekoran daripada itu, pada bulan Disember 1965, akta Majlis Amanah Rakyat telah diluluskan oleh Parlimen.

Pada bulan Jun 1965, Dewan Latehan RIDA telah ditukarkan kepada Maktab MARA dan menjadi unit terpenting di bawah Bahagian Latihan MARA.

### **INSTITUT TEKNOLOGI MARA (1967-1996)**

Pada hari Sabtu, bersamaan 14 Oktober 1967 batu asas pembinaan kampus baru Maktab MARA telah diletakkan oleh Tun Abdul Razak dan seterusnya telah menukar nama kepada Institut Teknologi MARA (ITM). Pada tahun 1970, ITM diberi autonomi penuh untuk mentadbir di bawah Kementerian Pembangunan Dalam Negeri. Pada bulan Jun 1976, Akta ITM telah diluluskan oleh Parlimen dan diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan.

### **ITM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI (AKTA PINDAAN 1996)**

Akta Institut Teknologi MARA (Pindaan 1996) meletakkan ITM seiring dengan universiti-universiti lain dalam negara. ITM telah diberi kuasa sebagai universiti sepenuhnya. Namun begitu, nama ITM terus dikenalkan sehingga 26 Ogos 1999.

### **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (26 OGOS 1999)**

Tanggal 26 Ogos 1999 meletakkan nama baru Institut kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM) setelah perisytiharan di buat oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia, sewaktu perasmian Perhimpunan Siswazah ITM. Kini UiTM menawarkan sejumlah 123 program pengajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda, 61 program pengajaran di peringkat Diploma, 4 program di peringkat Asasi dan 2 program Pra Diploma di pelbagai fakulti. Bidang-bidang pengajaran yang ditawarkan meliputi pelbagai bidang seperti perubatan, perggian, farmasi, penyiaran, pengurusan, pentadbiran, sains komputer, pentadbiran perniagaan, muzik, perhotelan, kejuruteraan, seni bina, perlادangan dan lain-lain.

## TAWARAN KEMASUKAN KE UiTM

**Mulai sesi Disember 2008, surat tawaran dan bil bayaran yuran pelajar hanya akan dipaparkan melalui laman web sahaja.**

## SENARAI SEMAKAN SETELAH TERIMA TAWARAN

Sila tanda ✓ setelah anda meneliti setiap perkara berikut:

1.	<b>PENDAFTARAN AKADEMIK SECARA ONLINE</b> seperti dinyatakan dalam sistem tawaran	
2.	Mencetak Surat Tawaran Kemasukan ke Universiti Teknologi MARA ( <b>4 salinan</b> )	
3.	Mencetak Bil Bayaran Yuran Pelajar	
4.	Cetak dan Lengkapkan semua borang yang disertakan: <ul style="list-style-type: none"><li>• Borang Maklumat Pelajar Baru</li><li>• Laporan Pemeriksaan Kesihatan</li><li>• Borang Pengesahan Akuan Pendapatan</li></ul>	
5.	Menjelaskan Bil Yuran Pelajar sebelum hari pendaftaran.	
6.	Membuat pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan / swasta.	
7.	Suntikan Typhoid (semua pelajar baru Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan kecuali yang akan mengikuti program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan)	
8.	Pemeriksaan hepatitis B dan C serta HIV diwajibkan bagi pelajar Program Pengajian Perubatan, Pergigian, Kejururawatan dan Teknologi Makmal Perubatan.	

## PERSEDIAAN SEBELUM HARI PENDAFTARAN

Sebelum hari pendaftaran, anda perlu:

1. **Pendaftaran Pelajar Baru Secara “Online”**
    - **Mulai sesi Disember 2010, pendaftaran pelajar baru (pendaftaran akademik) adalah secara online mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan seperti di dalam sistem tawaran.**
    - **Anda tidak boleh mendaftar kursus di Student Portal sehingga anda mendaftar sebagai pelajar secara online.**
  2. **Lengkapkan semua borang yang disertakan di dalam Panduan Pendaftaran iaitu:**
    - Borang Maklumat Pelajar Baru
    - Laporan Pemeriksaan Kesihatan
    - Borang Pengesahan Akuan Pendapatan
  3. **Menjelaskan Bil Bayaran Yuran Pelajar**
    - Bil bayaran yuran pelajar perlu dijelaskan di mana-mana cawangan Bank Islam di seluruh Malaysia sebelum anda mendaftar. Bagi yang mendaftar di kampus UiTM Shah Alam bayaran juga dibuat terus melalui kad kredit utama.
    - Kaunter Bank Islam **TIDAK disediakan pada hari pendaftaran.**
    - Sila pastikan anda membawa bil bayaran yuran pelajar yang telah dicetak oleh bank apabila datang mendaftar bagi mengelak sebarang masalah semasa pendaftaran.
    - Anda dinasihatkan menyimpan bil ini dengan baik sehingga menamatkan pengajian.
    - Anda digalakkan membuat bayaran sebelum hari pendaftaran untuk mengelakkan sebarang kesulitan.
- Nota: Yuran pengajian tertakluk kepada perubahan yang akan diumumkan oleh UiTM.**

## 2.1 Cara Mudah Pembayaran Yuran Pengajian UiTM

- Kini para pelajar boleh membayar yuran pengajian UiTM dengan mudah. Semuanya boleh dilakukan di hujung jari anda! Anda tidak perlu lagi beratur di cawangan kerana ianya boleh dibuat di mana sahaja dan pada bila-bila masa.
- Bayaran yuran boleh dibuat melalui:
  - i. Mesin ATM Bank Islam dengan tiga (3) langkah mudah:
    - Mempunyai akaun dengan BIMB dan Kad ATM (tidak semestinya pelajar)
    - Pilih Menu > Lain > Pembayaran Bil / Yuran IPT
    - Masukkan > No. Kad Pengenalan Pelajar
    - Pilih > Bil Anda & > Masukkan Amaun Yang Betul

**Nota : Sila Simpan Resit Anda.**

### ii. Perbankan Internet melalui laman web [www.bankislam.biz](http://www.bankislam.biz)

Untuk menggunakan kemudahan ini, pelajar mestilah pemegang akaun individu Bank Islam dan telah mendaftar sebagai pengguna bankislam.biz.

#### Cara Pembayaran Yuran melalui laman web [www.bankislam.biz](http://www.bankislam.biz)

- Layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my).
- Klik butang "Login Now" pada logo bankislam.biz dan tekan "OK".
- Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki bankislam.biz.
- Pilih "Bill Presentment" pada bahagian "Bill Payment".
- Pilih "Universiti Teknologi MARA" pada bahagian senarai penyedia perkhidmatan.
- Klik butang "Next". Skrin berikutnya akan menunjukkan senarai Bil yang perlu dijelaskan oleh pelajar.
- Pilih Bil yang hendak dibayar. Klik butang "Pay". Skrin berikutnya akan menunjukkan butiran pembayaran seperti nama pelajar, nombor pelajar, nombor bil dan amaun yang perlu dibayar.
- Pilih sumber akaun untuk membuat pembayaran.
- Klik butang "Pay" untuk meneruskan pembayaran. Skrin berikutnya akan menunjukkan butiran pembayaran yang hendak dibayar sebelum pengesahan dibuat.
- Klik butang "Confirm" untuk mengesahkan pembayaran atau sebaliknya. Skrin pengesahan pembayaran akan dipaparkan beserta nombor rujukan.
- Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mencetak pembayaran yang telah dibuat sebagai rujukan.

### iii. Laman Web UiTM ([www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my))

Untuk menggunakan kemudahan ini, pelajar mestilah memiliki akaun perbankan internet bank-bank yang menyertai kemudahan pembayaran melalui:

#### Cara Pembayaran Yuran Pengajian Universiti melalui FPX(Financial Process Exchange) adalah:

- Layari <http://bursary.uitm.edu.my/bilpelajar>
- Klik logo MEPS 
- Skrin berikutnya akan memaparkan "Disclaimer Page".
- Sila klik butang "I Agree" untuk melakukan proses pembayaran bil secara online.
- Sila masukkan Nombor Pelajar dan Nombor Kad Pengenalan dan klik "Search". Senarai Bil akan dipaparkan di skrin berikutnya.
- Klik pada petak di sebelah kiri untuk memilih bil-bil yang ingin dibayar dan klik "View Cart".
- Klik butang "Pay" untuk membuat pembayaran. Skrin seterusnya akan memaparkan "FPX terms and condition page".
- Sila klik di sebelah kiri "I accept the Terms & Conditions of FPX, as listed above". Masukkan alamat email serta pilih Bank anda dan klik "Submit".

- Masukkan ID pengguna dan kata laluan untuk memasuki laman web Bank pilihan anda.
- Maklumat mengenai bayaran akan dipaparkan seperti tujuan pembayaran, nombor rujukan dan amaun. Klik butang "Pay" untuk meneruskan pembayaran. Skrin berikutnya akan menunjukkan butiran pembayaran yang hendak dibayar sebelum pengesahan dibuat.
- Klik butang "Confirm" untuk mengesahkan pembayaran atau sebaliknya. Skrin pengesahan pembayaran akan dipaparkan beserta nombor rujukan.
- Pelanggan adalah dinasihatkan untuk mencetak pembayaran yang telah dibuat sebagai rujukan. Pelanggan bolehlah mencetak resit yang dikeluarkan oleh pihak UiTM sebagai bukti pembayaran.

**Sebarang keterangan lanjut sila hubungi :**

**JABATAN PERBANKAN ELEKTRONIK**

**Bank Islam Malaysia Berhad**

Tingkat 16, Darul Takaful, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur

Tel: 03-2616 8000 Help Desk IB: 03-26988008 Fax: 03-26989687

Laman web: [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

**4. Subsidi Yuran Pengajian Yang Ditanggung Oleh Kerajaan**

- Pada dasarnya kerajaan telah memberi subsidi yuran pengajian untuk memberi peluang pendidikan kepada Bumiputera yang telah berjaya ditawarkan tempat ke IPTA bagi melanjutkan pengajian. Justeru anda dinasihatkan supaya menggunakan peluang ini dengan sebaiknya dan menjadi graduan cemerlang bagi memenuhi aspirasi pembangunan negara.
- Maklumat mengenai subsidi yuran pengajian yang ditanggung oleh Kerajaan bagi setiap fakulti adalah seperti berikut:

NAMA FAKULTI	YURAN PENGAJIAN SETAHUN (RM)	YURAN PENGAJIAN YANG DIBAYAR OLEH PELAJAR SETAHUN (RM)	KOS YANG DITANGGUNG OLEH KERAJAAN (RM)
Fakulti Perubatan	47,278.00	400.00	46,878.00
Fakulti Pergigian	37,802.00	400.00	37,402.00
Fakulti Farmasi	14,090.00	400.00	13,690.00
Fakulti Sains Kesihatan	12,883.00	400.00	12,483.00
Fakulti Kejuruteraan Awam	12,593.00	400.00	12,193.00
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	12,593.00	400.00	12,193.00
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	12,593.00	400.00	12,193.00
Fakulti Kejuruteraan Kimia	12,593.00	400.00	12,193.00
Fakulti Sains Gunaan	9,760.00	400.00	9,360.00
Fakulti Perladangan & Agroteknologi	9,760.00	400.00	9,360.00
Fakulti Sains Komputer & Matematik	10,962.00	400.00	10,562.00
Fakulti Senibina, Perancangan & Ukur	8,809.00	400.00	8,409.00
Fakulti Sains Sukan & Rekreasi	11,026.00	400.00	10,626.00
Fakulti Perakaunan	9,549.00	400.00	9,149.00
Fakulti Pengurusan Perniagaan	11,131.00	400.00	10,731.00
Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi	9,271.00	400.00	8,871.00
Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan	10,674.00	400.00	10,274.00
Fakulti Pengurusan Maklumat	8,741.00	400.00	8,341.00
Fakulti Komunikasi & Pengajian Media	9,271.00	400.00	8,871.00
Fakulti Pendidikan	8,860.00	400.00	8,460.00
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka	8,776.00	400.00	8,376.00
Fakulti Filem, Teater dan Animasi	9,271.00	400.00	8,871.00
Fakulti Muzik	9,271.00	400.00	8,871.00
Fakulti Undang-Undang	11,589.00	400.00	11,189.00
Akademi Pengajian Bahasa	9,778.00	400.00	9,378.00

##### **5. Pemeriksaan Kesihatan**

- Anda perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan / swasta dengan tanggungan sendiri sebelum mendaftar sebagai pelajar UiTM.
- Sekiranya tidak berkesempatan, anda dibenarkan membuat pemeriksaan kesihatan dalam tempoh tiga (3) minggu selepas tarikh pendaftaran.

##### **PERINGATAN PENTING**

**Jika anda seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan kegiatan penyalahgunaan DADAH, anda TIDAK LAYAK untuk mendaftar atau menjadi pelajar UiTM. Ujian air kencing akan diadakan pada bila-bila masa sepanjang tempoh pengajian.**

##### **6. Suntikan Typhoid**

- Suntikan Typhoid adalah diwajibkan kepada semua pelajar baru Fakulti Pengurusan Hotel Dan Pelancongan kecuali yang akan mengikuti program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan.
- Suntikan hanya perlu dilakukan sekali sahaja untuk tempoh pengajian tiga (3) tahun dengan tanggungan sendiri sebelum mendaftar sebagai pelajar UiTM

##### **7. Pemeriksaan Hepatitis B dan C, HIV serta rabun / buta warna**

- Pemeriksaan Hepatitis B dan C serta HIV diwajibkan bagi pelajar Program Perubatan dan Pembedahan, Pergigian, Kejururawatan dan Teknologi Makmal Perubatan sebelum mendaftar sebagai pelajar UiTM.
- Bagi pelajar yang menghidap Hepatitis B dan C serta rabun / buta warna , pihak UiTM akan menawarkan program lain yang bersesuaian dengan kelayakan.
- Segala kos perbelanjaan ditanggung sendiri oleh pelajar

#### **SENARAI SEMAKAN DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA SEMASA DI FAKULTI**

Dokumen yang perlu dibawa semasa hadir ke Fakulti adalah seperti berikut:  
(Pastikan dokumen yang dibawa mengikut susunan senarai semakan)

- Dokumen Asal
- Salinan Dokumen

##### **DOKUMEN ASAL SEPERTI BERIKUT:**

1.	Surat Tawaran yang dicetak dari laman web <a href="http://istudent.uitm.edu.my/intake">http://istudent.uitm.edu.my/intake</a>	
2.	Borang Maklumat Pelajar Baru bertampal gambar	
3.	Borang Pengesahan Akuan Pendapatan	
4.	Bil Bayaran Yuran Pelajar yang telah dijelaskan	
5.	Kad Pengenalan pelajar	
6.	Surat Pengesahan suntikan typhoid daripada pegawai perubatan (yang berkenaan sahaja)	
7.	Dokumen sokongan yang berkaitan (jika ada)	

#### **NOTA PENTING**

- Sekiranya kehilangan sijil SPM/SPMV anda perlu mendapatkan salinan yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia manakala sijil STPM mendapatkan salinan yang dikeluarkan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia.
- Sekiranya kehilangan sijil kelahiran pelajar/ibu/bapa anda perlu mendapatkan semula sijil kelahiran yang baru di Jabatan Pendaftaran Negara.
- Sekiranya kehilangan Kad Pengenalan pelajar/ibu/bapa anda perlu membuat Kad Pengenalan sementara.
- Bagi ibu/ bapa yang telah meninggal dunia, salinan sijil kelahiran ibu/ bapa tidak perlu dibawa semasa hari pendaftaran.

**SALINAN DOKUMEN SEPERTI BERIKUT:**

1.	Salinan Kad Pengenalan pelajar, ibu dan bapa	
2.	Salinan Sijil Kelahiran pelajar, ibu dan bapa	
3.	Salinan SPM/SPMV/setaraf (bagi calon semua program)	
4.	Salinan STPM/ Asasi/ Matrikulasi/ setaraf	
5.	Salinan Penyata Pendapatan Terkini Ibu dan Bapa/ Surat Pengesahan Pendapatan Terkini Ibu dan Bapa/ Penyata Pencen Terkini Ibu dan Bapa	
6.	Salinan testimonial/ kegiatan kokurikulum di peringkat sekolah/ daerah/ negeri/ negara dan PLKN (sekiranya ada) bagi pelajar Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi sahaja	

**Nota:**

- Dokumen salinan (1-6) hendaklah disediakan dengan menggunakan kertas bersaiz A4 dan perlu mendapat pengesahan daripada Pegawai Kerajaan Kumpulan A/ Pengetua/ Gurubesar/ Guru Penolong Kanan/ Wakil Rakyat/ Penggawa /Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK(Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung)/ Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri.
- Semua pegawai atau saksi hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Cop pegawai atau saksi hendaklah mempunyai nama dan jawatan pegawai serta jabatan atau alamat dimana pegawai bertugas.

**SENARAI SEMAKAN DOKUMEN YANG PERLU DIHANTAR  
KE PUSAT KESIHATAN UiTM**

Dokumen yang perlu dibawa semasa hadir ke Pusat Kesihatan UiTM adalah seperti berikut:

1.	Laporan Pemeriksaan Kesihatan dan Filem X-Ray	
----	---	--

## SAHSIAH RUPA DIRI SEMASA DI UiTM

Anda dikehendaki mematuhi etika seperti berikut sepanjang pengajian di UiTM seperti berikut:

### SISWA

#### Ciri Umum

- Bersih dan kemas
- Tidak memakai perhiasan perempuan termasuk memakai anting-anting, subang atau gelang tangan.
- Tidak memakai topi dalam bangunan/blok perpustakaan, akademik, dewan kuliah, dewan makan dan pejabat.
- Memakai tali leher/baju batik Malaysia setiap hari **ISNIN** (Hari Korporat UiTM)

#### Baju

- Berlengan dan berkollar
- Tidak terlalu besar (over size)
- Tidak bertampung-tampung dan koyak
- Baju jenis masuk ke dalam (tail-cut) hendaklah kemas dan dimasukkan ke dalam seluar
- Tidak mempunyai tulisan perkataan atau gambar yang membawa pengertian liar.

#### Seluar

- Seluar panjang
- Tidak koyak dan bertampal-tampal
- Kaki tidak berserabut dan berbulu-bulu

#### Kasut

- Kasut hendaklah sempurna
- Tidak memakai selipar atau terompah

#### Rambut

- Rambut kemas dan diurus rapi
- Tidak panjang (rambut belakang tidak melebihi kolar baju, rambut hadapan tidak melebihi kening dan rambut tepi tidak menutup telinga)
- Tidak terbiar hingga boleh menghilangkan identiti seorang lelaki.
- Fesyen rambut tidak melambangkan budaya asing

### SISWI

#### Ciri Umum

- Bersih, kemas, longgar, tidak jarang dan tidak menjolok mata.
- Tidak memakai topi (cap) dalam bangunan / blok perpustakaan, dewan akademik, dewan kuliah, dewan makan dan pejabat.
- Memakai baju kurung setiap hari **ISNIN** (Hari Korporat UiTM) dan **JUMAAT** (*pelajar bukan Islam digalakkan*)
- Hanya dibenarkan memakai sepasang anting-anting atau subang.

#### Baju

- Baju tidak jarang dan ketat sehingga menampakkan susuk badan
- Bahagian neck line tidak terdedah
- Lengan panjang sampai ke pergelangan tangan
- Labuh sekurang-kurangnya menutup punggung
- Tidak mempunyai tulisan perkataan atau gambar yang membawa pengertian liar

#### Sarung

- Labuh
- Tidak terbelah
- Longgar
- Tidak jarang

#### Seluar

- Longgar dan tidak menampakkan bentuk badan
- Tidak jarang
- Tidak koyak dan bertampal-tampal
- Dipakai dengan baju longgar dan labuh yang menutup punggung

## SELEPAS PENDAFTARAN AKADEMIK SECARA ONLINE

### PROGRAM PEMANTAPAN WAWASAN (PPW)

- **Bagi Kemasukan lepasan Diploma**
  - Semua pelajar baru lepasan Diploma adalah **DIWAJIBKAN** mengikuti PPW.
  - Tarikh PPW akan dimaklumkan semasa hari pendaftaran oleh Fakulti masing-masing.

### PENDAFTARAN KURSUS

- Pendaftaran kursus mestilah dilakukan secara atas talian (online) melalui Gerbang Maklumat Pelajar (i-Student Portal) dengan mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti.

## SYARAT-SYARAT TAWARAN KEMASUKAN KE UiTM

Tawaran kemasukan ke UiTM adalah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

### 1. Mematuhi Peraturan

- Sepanjang tempoh pengajian di UiTM anda diwajibkan mematuhi :
  - ↳ Undang-undang dan Perlembagaan Negara
  - ↳ Akta 174 Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976
  - ↳ Peraturan Akademik Universiti Teknologi MARA
  - ↳ Peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang dikeluarkan oleh pihak Pengurusan Universiti.

### 2. Pembatalan Surat Tawaran

Pihak UiTM berhak membatalkan tawaran yang telah dikeluarkan sekiranya didapati:

- Anda tidak memenuhi syarat kelayakan masuk. Anda dinasihatkan meneliti kelayakan masuk sebelum datang mendaftar.
- Anda mengemukakan maklumat/dokumen palsu semasa permohonan kemasukan/pendaftaran.
- Anda gagal melapor diri pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan.
- Anda mempunyai kesan penggunaan dadah (tawaran ini tertakluk kepada keputusan ujian air kencing yang akan diadakan selama tempoh pengajian).
- Anda tidak menamatkan pengajian pada tarikh pendaftaran serta tidak memenuhi syarat kelayakan minimum yang ditetapkan oleh UiTM bagi pelajar-pelajar tahun akhir Sijil/Diploma/Ijazah Sarjana Muda dari IPT untuk mengikuti program Diploma/Ijazah Sarjana Muda.
- Anda **BUKAN BUMIPUTERA** seperti yang ditakrifkan dalam perkara 160 (2) atau dalam perkara 161 a (6) (a) atau perkara 161 a (6) (b) berdasarkan Perlembagaan Persekutuan bagi urusan pemprosesan dan pemilihan kemasukan ke IPTA.

**Nota:** Segala perbelanjaan yang timbul bersabit dengan pembatalan tawaran ini **TIDAK** akan ditanggung oleh UiTM

### 3. Menarik Diri Selepas Mendaftar

- Pelajar yang telah mendaftar dan kemudian menarik diri sebagai pelajar, yuran pengajian anda **TIDAK DIKEMBALIKAN**.

### 4. Tanggungjawab Calon

- Dengan penerimaan tawaran ini bermakna anda bersetuju mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh UiTM.
- Adalah menjadi tanggungjawab calon membaca dan memahami semua maklumat yang dibekalkan oleh UiTM.

## MAKLUMAT PENTING

### PERTUKARAN KAMPUS DAN PROGRAM

- Program dan kampus yang ditawarkan adalah muktamad. Sebarang permohonan pertukaran **TIDAK DIBENARKAN**.

### PENANGGUHAN PENGAJIAN

- Tawaran ini sah untuk sesi kemasukan yang dinyatakan sahaja. Sebarang penangguhan pengajian adalah tidak dibenarkan dan perlu memohon semula pada sesi berikutnya.

### PENDAFTARAN LEWAT

- Tawaran adalah terbatas sekiranya calon tidak mendaftar pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Walaubagaimanapun calon-calon yang terpaksa mendaftar lewat seperti ketiadaan tiket kapal terbang (calon Sabah dan Sarawak), sila maklumkan melalui email ke alamat [bppt@salam.uitm.edu.my](mailto:bppt@salam.uitm.edu.my) atau secara bersurat kepada Pengarah Bahagian Pengambilan Pelajar (bagi calon yang mendaftar di kampus Shah Alam) atau Rektor Kampus Negeri berkenaan (bagi pelajar yang mendaftar di Kampus Negeri).
- Bagi calon-calon yang menerima surat tawaran selepas tarikh pendaftaran, sila hubungi Bahagian Pengambilan Pelajar dengan segera.

### MALAYSIAN UNIVERSITY ENGLISH TEST (MUET)

- Semua calon yang akan mengikuti program Ijazah Sarjana Muda disyaratkan mencapai :

<b>TAHAP</b>	<b>PROGRAM</b>
Band Empat (4)	Sarjana Muda Pendidikan Dengan Kepujian ( Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) (TESL)
	Sarjana Muda Pengajian Undang-Undang (Kepujian)
	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan (Kepujian) (Bahasa Inggeris Komunikasi Profesional)
Band Tiga (3)	Ijazah Sarjana Muda Pembelahan Pergigian
	Ijazah Sarjana Muda Perubatan Dan Pembelahan
	Ijazah Sarjana Muda Farmasi (Kepujian)
Band Satu (1)	Program lain selain di atas

### AKUJANJI UNIVERSITI

- Semua pelajar baru diwajibkan menandatangani Surat Akujanji semasa Minggu Destini Siswa

### LARANGAN MEMBAWA KENDERAAN DI DALAM KAMPUS

- Ketetapan telah dibuat oleh Hal Ehwal Pelajar (HEP) bahawa semua pelajar baru yang mendapat kemudahan kolej kediaman dilarang membawa kenderaan sendiri di dalam kampus. Pelekat kenderaan tidak akan dikeluarkan kepada pelajar-pelajar ini.

### AKTIVITI YANG DIFESTIKAN KEPADA SEMUA PELAJAR BARU

- Kursus Asas Bina Negara – Kursus ini difestikan kepada semua pelajar baru (Diploma/Ijazah)
- Program Universiti – Semua program Universiti perlu diikuti oleh semua pelajar

## KEMUDAHAN-KEMUDAHAN UMUM

### PENGANGKUTAN BAS

- Bagi Kampus Shah Alam kemudahan pengangkutan bas disediakan untuk memudahkan pelajar pergi dan balik ke fakulti masing-masing yang beroperasi pada waktu kuliah mulai jam 7.00 pagi hingga 11.00 malam.

### KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN

BIL	STATUS PENGAJIAN DI UiTM	KELAYAKAN MASUK	KEMUDAHAN KOLEJ KEDIAMAN	STATUS BAYARAN	CONTOH PROGRAM YANG TERLIBAT
1.	Sijil/ Pra Diploma/ Diploma	SPM	DISEDIAKAN (Sehingga tamat pengajian jika ada kekosongan di dalam kampus)	Pengajian diperingkat Diploma dan ke bawah adalah disediakan penempatan percuma jika ada kekosongan dalam kampus	PD/ (DIPLOMA)
2.	Asasi / Pra Ijazah/ Matrikulasi/ setaraf	SPM	DISEDIAKAN (Sehingga tamat pengajian jika ada kekosongan di dalam kampus)	Penempatan disediakan secara percuma pada semester 01 hingga 02. (Kecuali program ASASI yang mendapat tajaan – dikenakan bayaran)	PI/ LW
3.	Ijazah	SPM	DISEDIAKAN (Semester 01 hingga 06 sahaja jika ada kekosongan di dalam kampus)	Diberi kemudahan penempatan secara percuma pada semester 01 hingga 06 sahaja jika ada kekosongan di dalam kampus	AP213
4.	Ijazah	SPM/ STPM/ Matrikulasi /Asasi / Pra Ijazah/ setaraf	DISEDIAKAN (Semester 01 sahaja)	Diberi kemudahan penempatan pada semester 01 dan berbayar	MD/ DS/ PH/ LW/ LG
5.	Ijazah	Penerapan dari Diploma/ Trek Pantas	TIDAK DISEDIAKAN (Boleh merayu jika ada kekosongan)	Berbayar jika diberi kemudahan penginapan	AC/ AP/ BM
6.	Ijazah	Diploma	TIDAK DISEDIAKAN (Boleh merayu jika ada kekosongan)	Berbayar jika diberi kemudahan penginapan	Semua kod program 22x
7.	Ijazah	Diploma Kampus Cawangan	Diberi keutamaan jika ada kekosongan dalam kampus. (Semester 01 sahaja)	Berbayar jika diberi kemudahan penginapan	Semua kod program Diploma
8.	Profesional	SPM	DISEDIAKAN (Semester 01 hingga 04 sahaja jika ada kekosongan di dalam kampus)	Diberi kemudahan penempatan secara percuma pada semester 01 hingga 04 sahaja jika ada kekosongan di dalam kampus	CAT dan CBA
9.	Profesional	STPM/ Diploma/ Ijazah	TIDAK DISEDIAKAN (Boleh merayu jika ada kekosongan)	Berbayar jika diberi kemudahan penginapan	CIMA/ ACCA/ ICSA

### PERMOHONAN PEMBERIAN BANTUAN ELAUN MAKAN PELAJAR DIPLOMA UITM MALAYSIA

#### Kelayakan Memohon

- 1.0 Pemohon hendaklah terdiri daripada pelajar yang mengikuti Kursus Diploma, Pra-Diploma dan Sijil sepenuh masa, yang mengikuti pengajian di UiTM Shah Alam dan seluruh kampus negeri.
- 2.0 Pelajar yang mengikuti kursus diploma dan tinggal di luar kampus “Non-Resident” juga adalah layak untuk memohon bantuan elaun makan ini.
- 3.0 Hanya pelajar semester satu (1) - lima (5) sahaja layak yang memohon insentif ini.
- 4.0 Hanya pelajar berstatus ‘aktif’ iaitu mendaftar sebagai pelajar dan membuat pembayaran yuran pengajian layak memohon.
- 5.0 Pelajar yang mengikuti latihan amali (praktikal) tidak layak memohon elaun ini.
- 6.0 Pelajar yang melanjutkan tempoh pengajian ‘extent’ iaitu berstatus ‘SML’ tidak layak memohon kemudahan ini.
- 7.0 Pelajar yang diberi cuti khas, atau gantung pengajian juga tidak layak memohon.

## Cara Memohon

- 1.0 Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian "Online" dengan melayari laman di alamat:  
<http://istudent.uitm.edu.my>
  - 2.0 Bagi pelajar diploma yang baru mendaftar sebagai pelajar UiTM hendaklah mempunyai atau mendaftar 'Student Portal' terlebih dahulu sebelum boleh membuat permohonan secara 'online' melaluiinya.
  - 3.0 Pelajar dikehendaki mengisi maklumat yang dikehendaki dalam borang permohonan dengan lengkap.
  - 4.0 Sila cetak borang permohonan yang telah lengkap dan hantarkan bersama **surat pengesahan pendapatan** yang telah disahkan, sama ada:
    - i. Salinan Penyata Pendapatan terkini
    - ii. Salinan Cukai Pendapatan (Borang J)
    - iii. Surat Akuan Pendapatan (hanya sah bagi ibu bapa yang bekerja sendiri dan tiada Slip Pendapatan atau Borang J).
  - 5.0 Pelajar Non-Residen (NR) yang memohon dikehendaki mengemukakan perkara yang dikehendaki di atas di Pejabat Unit Pengurusan Non-Residen (NR) di kampus masing-masing semasa mendaftar sebagai pelajar NR.
  - 6.0 Salinan Penyata Pendapatan/Salinan Borang J/ Surat Akuan Pendapatan ibu bapa/penjaga perlu mendapat pengesahan terlebih dahulu daripada salah satu pegawai berikut:
    - a) Wakil Rakyat/Senator
    - b) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional
    - c) Pengamal Undang-undang
    - d) Pesuruhjaya Sumpah/Jaksa Pendamai
    - e) Pengetua/Guru Besar (sekolah kerajaan sahaja)
    - f) Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas/Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas.
    - g) Ketua Kampung/Penggawa/Penghulu/Ketua Masyarakat/Sidang/ Pegawai Pembangunan Mukim/Pengerusi JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung).
    - h) Untuk Sabah dan Sarawak – Ketua Kaum/ Ketua Anak Negeri/ Kapitan/Pemanca/Pegawai Taman Sabah.
- Nota:** *Semua pegawai atau saksi hendaklah warganegara Malaysia yang bermastautin di Malaysia. Cop pegawai atau saksi hendaklah lengkap mempunyai nama dan jawatan pegawai serta jabatan/alamat di mana pegawai bertugas.*
- 7.0 Permohonan yang tidak lengkap dan tidak melampirkan atau tidak memenuhi mana-mana keperluan yang dikehendaki oleh pihak universiti, akan menyebabkan permohonan tersebut ditolak.
  - 8.0 Pemohon mestilah mempunyai atau membuka **Akaun Bank Islam** bagi memudahkan proses pembayaran bantuan elauan makan ini dibuat oleh pihak universiti.
  - 9.0 Pemohon tidak dibenarkan berkongsi akaun bank dengan pelajar yang lain. Perkara ini akan menyebabkan permohonan disekat bagi mengelak penipuan.
  - 10.0 Pemohon adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada pihak universiti mengenai perubahan atau pertukaran status pengajian iaitu sama ada aktif, diberi cuti khas atau digantung pengajian dengan kadar segera bagi mengelak berlaku lebihan bayaran ke akaun pelajar.
  - 11.0 Pelajar diberi peluang atau dibenarkan membuat permohonan sekali sahaja.
  - 12.0 Keputusan sama ada seseorang pelajar layak atau tidak layak tertakluk kepada syarat atau dasar yang telah ditetapkan oleh universiti dan sebarang keputusan adalah muktamad.
  - 13.0 Pemohon yang mengemukakan maklumat dan dokumen palsu boleh menyebabkan permohonan dibatalkan, kemudahan ditarik balik serta dikenakan tindakan tatatertib mengikut peruntukan **Akta 174**.
  - 14.0 Pelajar dikehendaki mengirim maklumat permohonan dan penyata pendapatan yang telah disahkan melalui pos sebaik selesai membuat permohonan secara 'online'.
  - 15.0 Permohonan ini hanya akan diproses dan diluluskan setelah pihak kolej menerima maklumat permohonan dan salinan penyata pendapatan keluarga yang dihantar oleh pelajar.
  - 16.0 Jika memerlukan maklumat lanjut mengenai proses permohonan pemberian bantuan elauan makan pelajar ini, sila hubungi talian **03-5544 3520 / 3587** atau hubungi kolej kediaman terakhir yang pernah didiami pemohon atau di pejabat pengurusan kolej di kampus masing-masing.

#### **UNIT PENGURUSAN NON RESIDENT (NR)**

- Mereka yang tidak mendapat kemudahan kolej kediaman dan memerlukan bantuan untuk menyewa rumah sekitar kampus boleh berhubung dengan Unit Pengurusan NR Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) di kampus masing-masing.
- Untuk mendapatkan bantuan sewa rumah/ bilik di luar kampus dan maklumat lanjut mengenai Unit Pengurusan NR bagi kampus Shah Alam boleh hubungi:

**No Tel : 03-5544 3965/ 3967/ 3537**

**No. Faks : 03-55443966**

**Laman Web : <http://hep1.uitm.edu.my/>**

- Untuk mendapatkan bantuan sewa rumah / bilik di luar kampus dan maklumat lanjut mengenai Unit Pengurusan NR bagi kampus cawangan sila rujuk di perkara Kampus-Kampus UiTM.

#### **BANTUAN KEWANGAN / ZAKAT**

- Bagi pelajar yang tergolong daripada golongan fakir miskin boleh mendapatkan bantuan zakat di Pusat Zakat UiTM.
- Permohonan hendaklah dibuat melalui surat kepada Pusat Zakat UiTM Shah Alam/kampus masing-masing dengan menyertakan surat pengesahan pendapatan ibubapa/penjaga yang disahkan oleh Wakil Rakyat/ Penghulu/ Penggawa/ Ketua Kampung seperti berikut:

**Alamat : Unit Zakat, Wakaf dan Sedeqah  
Pusat Islam UiTM  
40450 UiTM Shah Alam**

**No Tel : 03-5544 2381/2391**

#### **PELAJAR PROGRAM ASASI**

- Pelajar-pelajar yang mengikuti program Asasi Kejuruteraan, Asasi Sains, Asasi TESL dan Asasi Undang-Undang semuanya adalah terdiri daripada yang mempunyai kelayakan cemerlang dalam keputusan SPM. Pihak Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia memberi beberapa kemudahan khas kepada mereka antaranya:
  - Elaun Wang Saku (RM1250.00 /semester)
  - Yuran Pengajian (RM350.00 /semester)
  - Yuran Kolej (RM360.00 /semester)
  - Tiket Kapal Terbang (Pelajar Sabah/Sarawak) Sekali Sepanjang Pengajian (Pergi Balik)

**Nota: Bantuan Kewangan Pelajar Asasi akan dibayar kepada pelajar hanya setelah pelajar menandatangani surat perjanjian yang boleh dicetak melalui laman web <https://online.mohe.gov.my/scholar/bantuanasasi/index2.php>**

#### **ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)**

- Pihak UiTM mengalu-alukan calon-calon OKU yang memohon atau ditawarkan tempat ke UiTM. Buat masa ini, semua kampus UiTM belum mempunyai kemudahan asas untuk pelajar OKU. Walau bagaimanapun pihak UiTM sedang membuat perancangan masa depan bagi menyediakan kemudahan asas kepada pelajar OKU agar dapat tinggal dan belajar dengan lebih sempurna.
- Oleh itu, pelajar yang memohon ke UiTM dan berjaya ditawarkan tempat haruslah bersedia menghadapi segala kesulitan dengan ketidaaan kemudahan ini terutamanya dengan keadaan fizikal sediada.

#### **PUSAT/ UNIT KESIHATAN**

- Setiap kampus UiTM mempunyai Pusat/Unit Kesihatan yang memberikan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada pelajar UiTM.
- Waktu perkhidmatan dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang pada hari bekerja.
- Untuk kes kecemasan yang memerlukan rawatan kecemasan selepas dari waktu bekerja, pelajar perlu berhubung dengan Pegawai Pembangunan Pelajar/Pegawai Keselamatan yang bertugas di kolej masing-masing untuk menghubungi pegawai yang bertugas "on call".
- Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan kepada pelajar adalah Rawatan Pesakit Luar Perubatan dan Pergigian, wad pemerhatian sementara, perkhidmatan makmal perubatan, perkhidmatan x-ray, perkhidmatan ambulan dan perkhidmatan kesihatan meliputi pendidikan kesihatan, kawalan penyakit berjangkit, penyakit bawaan vektor dan kawalan kebersihan makanan serta premis makanan.

## **PERPUSTAKAAN**

- Setiap kampus UiTM dilengkapi dengan perpustakaan, antara kemudahan yang disediakan ialah :
  - Pinjaman/pemulangan bahan
  - Tempahan buku
  - Perkhidmatan rujukan
  - Perkhidmatan majalah
  - Portal
  - Perkhidmatan pembaca
  - Perkhidmatan Pusat IT
  - Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan
  - Perkhidmatan salinan fotostat
  - Bilik 24 jam
  - Bilik Loker

## **KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN**

- Kolam Renang bertaraf Olimpik (di kampus Shah Alam sahaja)
- Kompleks Sukan merangkumi gelanggang badminton, bola tampar, squash dan lain-lain lagi
- Stadium
- Gymnasium
- Padang Kawad dan Padang Sasar
- Pusat Islam
- Pejabat Pos
- Affin Bank Berhad
- Bank Simpanan Nasional
- ATM-Maybank, Bank Islam, Bank Rakyat, CIMB Bank dan Affin Bank

## **SOALAN – SOALAN LAZIM**

- S1:** **Bolehkah saya mendaftar jika tidak membayar yuran pengajian?**  
**J1:** Tidak boleh.
- S2:** **Bolehkah saya mendaftar jika dokumen-dokumen tidak mendapat pengesahan?**  
**J2:** Tidak boleh.
- S3:** **Apakah kesannya jika saya tidak mendaftar pada tarikh pendaftaran yang ditetapkan?**  
**J3:** Tarawan kemasukan akan terbatal kecuali mendapat kebenaran bertulis dari Ketua Bahagian Pengambilan Pelajar (bagi yang mendaftar di kampus Shah Alam) atau Pengarah Kampus negeri berkenaan (bagi pelajar yang mendaftar di kampus Negeri).
- S4:** **Bolehkah saya sebagai pelajar semester pertama bertukar kampus?**  
**J4:** Tidak boleh.
- S5:** **Bolehkah saya sebagai pelajar semester pertama bertukar program?**  
**J5:** Tidak boleh.
- S6:** **Saya menghadapi masalah kesihatan, adakah kemudahan perubatan disediakan di setiap kampus cawangan?**  
**J6:** Ada, di setiap kampus cawangan disediakan Pusat Kesihatan dengan diketuai oleh Doktor dan jururawat terlatih.
- S7:** **Siapa yang perlu saya hubungi semasa kecemasan di luar waktu pejabat?**  
**J7:** Anda boleh berhubung dengan Pegawai Pembangunan Pelajar Kolej atau Bahagian Keselamatan di setiap kampus.
- S8:** **Jika saya lewat sampai (selepas waktu bekerja) semasa hari pendaftaran ke mana harus saya tuju?**  
**J8:** Anda dinasihatkan supaya berhubung dengan pegawai di kolej kediaman atau pegawai di Bahagian Keselamatan.
- S9:** **Saya belum membuat pemeriksaan kesihatan. Bolehkan saya datang untuk mendaftar?**  
**J9:** Boleh. Anda diberi tempoh selama tiga (3) minggu dari tarikh pendaftaran.
- S10:** **Keluarga saya ingin turut serta menghantar saya pada hari pendaftaran. Di manakah penginapan yang terdekat dengan UiTM untuk keluarga saya menginap?**  
**J10:** Penginapan yang berdekatan dengan UiTM ialah Hotel UiTM (Kampus Shah Alam, Pulau Pinang dan Terengganu), Intekma Resort (Kampus Shah Alam) dan Rumah Tamu bagi kampus cawangan.
- S11:** **Sebagai pelajar baru, bolehkah saya membawa kenderaan sendiri?**  
**J11:** Tidak boleh.
- S12:** **Apakah pakaian yang sesuai semasa pendaftaran?**  
**J12:** Berpakaian formal dan sopan seperti yang telah ditetapkan dalam garis panduan sahsiah rupa diri siswa/siswi.
- S13:** **Saya mempunyai masalah berkaitan dengan pinjaman PTPTN, bagaimana untuk saya berhubung dengan pihak PTPTN?**  
**J13:** Anda boleh berhubung dengan pegawai PTPTN ditanian 03- 20986553/ 6557/ 6546/ 6561/ 6567/ 4981/3680

- S14:** Saya mewakili negara dalam bidang sukan, adakah disediakan kemudahan sukan untuk saya menjalani latihan?  
J14: Ya, terdapat pelbagai kemudahan sukan disediakan di Pusat Sukan UiTM.
- S15:** Saya merupakan pelajar tahun akhir dan gagal untuk menamatkan pengajian sebelum atau pada hari pendaftaran.  
**Bolehkah saya mendaftar?**  
J15: Tidak boleh.
- S16:** Apakah yang dimaksudkan dengan MDS dan PPW?  
J16: MDS ialah Minggu Destini Siswa manakala PPW ialah Program Pemantapan Wawasan diadakan untuk mengeratkan siratulrahim dan juga mengenali UiTM.

## KETERANGAN LANJUT

**Segala pertanyaan berkaitan dengan tawaran dan pendaftaran sila hubungi :**

Pengarah  
Bahagian Pengambilan Pelajar  
Bangunan UiTM International Centre (UIC)  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Tel : (+603) 5544 3164/ 3165/ 3166/ 3174/ 3175  
Fax : (+603) 55443170  
Web : [pengambilan.uitm.edu.my](http://pengambilan.uitm.edu.my)

**Segala pertanyaan berkaitan dengan pengurusan kebajikan dan pinjaman PTPTN sila hubungi:**

Unit Pengurusan Kebajikan Pelajar (UPKP)  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Tel : (+603) 5544 3545/3538/3542  
Web : <http://hep1.uitm.edu.my/>

Anda juga boleh berhubung terus dengan **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)** kampus cawangan.

**Segala pertanyaan berkaitan dengan bantuan sewa rumah/ bilik di luar kampus sila hubungi:**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Tel : (+603) 5544 3965/ 3967/ 3537  
Faks : (+603) 5544 3966  
Laman Web : <http://hep1.uitm.edu.my/upengurusan>

Anda juga boleh berhubung terus dengan **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP)** kampus cawangan.

**Segala pertanyaan berkaitan program pengajian seperti sijilis , masa kuliah dan lain-lain , sila hubungi fakulti berkenaan:**

Tel : (+603) 5544 2000  
Web : [www.uitm.edu.my](http://www.uitm.edu.my) (lihat pautan ACADEMIC)

**Segala pertanyaan berkaitan dengan tawaran dan pendaftaran Program Asasi sila hubungi:**

Pengarah  
**Pusat Asasi**  
Pejabat Pusat Asasi  
Aras 5, Bangunan FSK 1,5  
Kampus Puncak Alam  
42300, Bandar Puncak Alam  
Selangor Darul Ehsan  
Telephone : 03 3258 4920 / 4927 / 4926 / 4923 / 4936  
Fax : 03 3258 4929  
Laman web : <http://asasi.uitm.edu.my/>

## PENGGUGUSAN FAKULTI

Universiti Teknologi MARA telah menyelaraskan fakulti-fakulti berdasarkan gugusan-gugusan tertentu iaitu:

### GUGUSAN SAINS & TEKNOLOGI

- \* Fakulti Sains Gunaan
- \* Fakulti Perladangan dan Agroteknologi
- \* Fakulti Sains Komputer & Matematik
- \* Fakulti Seni Bina Perancangan dan Ukur
- \* Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi
- \* Fakulti Perubatan
- \* Fakulti Pergigian
- \* Fakulti Sains Kesihatan
- \* Fakulti Farmasi
- \* Fakulti Kejuruteraan Awam
- \* Fakulti Kejuruteraan Elektrik
- \* Fakulti Kejuruteraan Kimia
- \* Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

### GUGUSAN SAINS SOSIAL & KEMANUSIAAN

- \* Fakulti Undang-Undang
- \* Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi
- \* Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media
- \* Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka
- \* Fakulti Pendidikan
- \* Fakulti Filem, Teater dan Animasi
- \* Fakulti Muzik

### GUGUSAN PENGURUSAN & PERNIAGAAN

- \* Fakulti Perakaunan
- \* Fakulti Pengurusan Perniagaan
- \* Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan
- \* Fakulti Pengurusan Maklumat

### PUSAT AKADEMIK

- \* Akademi Pengajian Bahasa

## TEMPOH PENGAJIAN

Tempoh pengajian sepenuh masa untuk program-program di UiTM adalah seperti berikut:

- **Program Pra Diploma**  
Tempoh pengajian ialah satu (1) semester hingga dua (2) semester.
- **Program Asasi**  
Tempoh pengajian ialah dua (2) semester.
- **Program Diploma**  
Tempoh pengajian ialah lima (5) semester hingga enam (6) semester.
- **Program Ijazah Sarjana Muda**  
Tempoh pengajian ialah enam (6) semester hingga sepuluh (10) semester.

*Nota : Tempoh pengajian tertakluk kepada program yang ditawarkan.*

## KAMPUS-KAMPUS UiTM

### KAMPUS-KAMPUS UiTM

Universiti Teknologi MARA berbangga dengan kewujudan kampus cawangannya di setiap negeri di Malaysia kecuali di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Berikut adalah kampus-kampus UiTM seluruh negara:

#### Kampus Induk UiTM

**UiTM Shah Alam,**  
40450 Shah Alam,  
**Selangor Darul Ehsan**  
No. Tel : 03-55442000

#### Kampus Cawangan UiTM

**UiTM Sabah**  
Beg Berkunci 71,  
88997 Kota Kinabalu,  
**Sabah**  
No. Tel : 088-325151

**UiTM Sabah, Kampus Tawau,**  
Lot 1 Tingkat 5,  
Wisma MAA, Jalan Bunga  
91000 Tawau Sabah  
No. Tel: 089-755733

**UiTM Sarawak**  
Jalan Merenek,  
94300 Kota Samarahan,  
**Sarawak**  
No. Tel : 082-677200

**UiTM Sarawak, Kampus Mukah**  
Lot 661,  
Blok 68,  
Boulevard Setia Raja Mukah  
96400 Mukah Sarawak  
No. Tel: 084-874102

**UiTM Johor**  
Km.12 Jln. Muar,  
85200 Segamat,  
**Johor Darul Takzim**  
No. Tel : 07-9352000

**UiTM Johor, Kampus Bandaraya Johor Bahru**  
Jalan Heman,Kg. Aman  
Larkin,  
80350 Johor Bahru  
No. Tel: 07-2342275

**UiTM Perak**  
Bandar Sri Iskandar,  
32600 Bota,  
**Perak Darul Ridzuan**  
No. Tel : 05-3742000

**UiTM Perak, Kampus Tapah**  
Mukim Batang Padang,  
Daerah Batang Padang, 35000 Tapah,  
**Perak Darul Ridzuan**

**UiTM Kelantan**  
Bukit Ilmu,  
18500 Machang,  
**Kelantan Darul Naim**  
No. Tel : 09-9762000

**UiTM Melaka**  
Km. 26, Jalan Lendu,  
78000 Alor Gajah,  
**Melaka Bandaraya Bersejarah**  
No. Tel : 06-5582000

**UiTM Melaka, Kampus Bandar Melaka,**  
110 Off Jalan Hang Tuah,  
75300 Melaka  
No. Tel: 06-2857000

**UiTM Pahang**  
Lintasan Semarak,  
26400 Bandar Pusat Jengka,  
**Pahang Darul Makmur**  
No. Tel : 09-4602000

**UiTM Pahang**  
Kampus Kuantan Satu (1)  
Jalan Bukit Sekilau  
25200, Kuantan Pahang  
**Pahang Darul Makmur**  
No. Tel : 09-5138143

**UiTM Pulau Pinang**  
Jalan Permatang Pauh,  
13500 Seberang Prai,  
**Pulau Pinang**  
No. Tel : 04-3822888

**UiTM Kedah**  
Peti Surat 187,  
08400 Merbok,  
**Kedah Darul Aman**  
No. Tel : 04-4562000

**UiTM Negeri Sembilan**  
Kompleks IADP/NST,  
Jalan Melang , Lot 323, 787, 2003 72000 Kuala Pilah,  
**Negeri Sembilan Darul Khusus**  
No. Tel : 06-4832100

**UiTM Terengganu**  
Sura Hujung,  
23000 Dungun,  
**Terengganu Darul Iman**  
No. Tel : 09-8400400

**UiTM Terengganu,**  
**Kampus Kuala Terengganu**  
21080 Kuala Terengganu,  
**Terengganu Darul Iman**  
No. Tel : 09-6175255

**UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu**  
Wisma KUB  
Jalan Sultan Ibrahim  
15050 Kota Bharu  
**Kelantan Darul Naim**  
No. Tel : 09-7417700

**UiTM Perlis**  
Peti Surat 41,  
02600 Arau,  
**Perlis Indera Kayangan**  
No. Tel : 04-9882000

**UiTM Terengganu,**  
**Kampus Bukit Besi**  
d/a Kolej Ketengah,  
Bandar AMBS,  
23400 Al-Muktafi Billah Shah,  
**Terengganu Darul Iman**  
No. Tel : 09-8221995

## LIRIK LAGU

### *UiTM di Hatiku*

*Wujudmu di sini di tanah anak merdeka  
Bagai obor ilmu memayungi putera  
puterinya  
Pelopor hidup, budaya bangsa, agama,  
negara  
Pembentuk akhlak manusia agar jadi  
sempurna*

*Ku yang melangkah ke sini ingin  
mempelajari  
Rahsia di muka bumi dengan cara hakiki  
Tunjukkan aku jalān ilmumu untukku  
menuju  
Destinasi cita-cita negara dan bangsaku*

*MajuLah bangsa  
Maju Negara  
Berkat usaha jaya MARA  
Kami berikrar akan berjaya  
Hingga kita berjaya..... demi bangsa*

*Watikah yang kumiliki kan ku semat dihatih  
Janjiku pada pertiwi untuk menabur bakti  
Ku sempurnakan seikhlas hati membela  
Negara  
Doa restu ayah bonda ku untuk semua*

*UiTM.....Usaha Takwa Mulia*

### *Wawasan Setia Warga UiTM*

*Bersatu kita warga UiTM  
Kita bangsa perkasa  
Taat dan setia ku untuk negara  
Penuh semangat waja*

*Kita...  
Jangan mudah terlupa  
Pengorbanan perjuangan anak bangsa*

*Kita...  
Jangan mudah terleka  
Kemajuan keamanan yang ada*

*Kita...  
Berterima kasih  
Pada pemimpin-pemimpin negara*

*Kita...  
Rasa penuh bersyukur  
Kerahmatan, kemuliaan dariNya*

*KamilaH  
Pendokong, pewaris bangsa  
KamilaH  
Pendaulat, bangsa Malaysia  
KamilaH  
Warga berwawasan  
Untuk negaraku*



# AHLI JAWATANKUASA PANDUAN PENDAFTARAN

## PENAUNG

*Y. Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, FASc  
Naib Canselor UiTM*

## PENASIHAT

*Encik Mazlan Salleh*

## PENGURUSI

*Puan Suriani Musa*

## SETIAUSAHA

*Puan Norainman Binti Nordin*

## PENGHARGAAN

*Ucapan ribuan terima kasih kepada semua staf  
Unit Ijazah Sarjana Muda, Unit Diploma/ Asasi, Unit MDAB  
Unit Pentadbiran & Profesional dan Unit Teknologi Maklumat  
di atas sumbangan idea dan kerjasama.*

### Unit Ijazah Sarjana Muda

*Encik Muhamad Nizam Noordin  
Encik Idris Abd Jallil  
Puan Nadiaful Indah Mohd Tahir  
Puan Siti Nailah Asnawi Hj Mohd Amir  
Cik Salizawati Sahari  
Encik Mohd Nahar Bin Mohd Sanusi  
Puan Ikhrama Sandimo  
Puan Noor Marzieyana Sayah*

### Unit Diploma/ Asasi

*Tuan Syed Mohd Shukram Tuan Said  
Encik Syaiful Nizam Omar  
Encik Mohd Suhaimi Bin Paharul Radzi  
Encik Mohd Razis Bin Kaswati  
Puan Norhaliza Abu Bakar  
Puan Zarimah Abdul Razak  
Puan Siti Barirah Zainal Ariffin*

### Unit MDAB

*Encik Ahmad Shahril Azwan Abd Rahim*

### Unit Pentadbiran & Profesional

*Puan Suriani Musa  
Puan Norazura Rahmat  
Puan Norainman Binti Nordin  
Encik Jalaluddin Banun  
Puan Suraya Ahmad  
Encik Abdul Jabar Ahmad  
Puan Zalina Zakaria  
Puan Zaini Ismail  
Encik Azmi Mohd Nor*

### Unit Teknologi Maklumat

*Encik Mohd Azrul Amir Muhamad Tajudin  
Encik Azril Hasrul Bin Othman*